

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO (NEGARA)

TARIKH: 10 OGOS 2019

MUKA SURAT: 17

Melibatkan pelbagai kategori bangunan selain kediaman di Pulau Pinang

1,700 lif guna CF tamat tempoh



SEBANYAK 1,700 lif yang beroperasi di pelbagai jenis bangunan di Pulau Pinang gagal memperbaharui CF. - Gambar hiasan

GEORGE TOWN - Sebanyak 1,746 unit lif dari 6,707 unit yang beroperasi di Pulau Pinang telah tamat tempoh sah laku perakuan kelayakan (CF).

Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) negeri, Jaafar Leman memberitahu, jumlah lif yang tamat tempoh sah CF ini bukan hanya melibatkan premis bangunan kediaman seperti pangsapuri tetapi turut melibatkan kategori bangunan-bangunan lain.

"Menjalankan operasi lif yang tamat tempoh sah laku CF adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 19(C) Akta Kilang dan Jentera 1967

yang memperuntukkan denda sehingga RM150,000 atau kompaun," katanya kepada *Bernama* semalam.

Beliau berkata, isu CF tamat tempoh sah laku adalah di antara aduan utama yang diterima JKKP di negeri ini sepanjang tahun ini, selain kes-kes terperangkap, operasi terhenti secara tiba-tiba dan tempoh menunggu bantuan serta lif dalam keadaan tidak selamat.



JAAFAR

"Semua isu tersebut adalah menjadi tanggungjawab pemunya atau pemilik lif bersama Firma Yang Kompeten (FYK) yang diiktiraf oleh JKKP bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan," katanya.

Jaafar berkata, di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967, setiap lif

tidak kira sama ada baharu atau lama hendaklah memperoleh CF yang sah untuk tempoh maksimum 15 bulan.

"Proses memperoleh sijil berkenaan dijalankan melalui pemeriksaan serta pelantikan FYK bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan," katanya.

Isu penyelenggaraan lif hangat diperkatakan sejak insiden sebuah lif terhempas di Projek Perumahan Rakyat Kerinchi, Kuala Lumpur yang menyebabkan lapan cedera awal bulan ini.

Katanya, di Pulau Pinang berlaku satu kejadian lif bergerak turun pada kadar yang agak laju di antara tingkat-tingkat 29 dan 12, sebuah pangsapuri di Bayan Lepas pada 23 Julai lepas, namun tiada kecederaan dilaporkan dan insiden disebabkan kegagalan mekanikal.